Standard Sungai pulihara kualiti air

Pelaksanaan strategi baru, penguatkuasaan memastikan pelestarian alam sekitar

JAWATANKUASA Kabinet mengenai alam sekitar dijadual bermesyuarat buat pertama kali, Jumaat ini. Mesyuarat yang akan dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, dijangka dihadiri beberapa menteri yang terbabit dalam pengurusan alam sekitar.

Menurut laporan media, perkara utama yang akan dibincangkan ialah dasar dan tindakan yang perlu diambil bagi mengatasi masalah pencemaran sungai yang semakin berleluasa sejak kebelakangan ini, termasuklah kemudahan tapak pelupusan sampah, sehingga menjejaskan kualiti air mentah untuk penghasilan bekalan air minuman.

Sehubungan itu, beberapa kementerian dan agensi terbabit dijangka mengemukakan laporan dan cadangan agar masalah pencemaran sungai dapat diatasi segera.

Selain itu, jawatankuasa Kabinet itu juga dijangka merangka tindakan yang lebih mantap untuk melestarikan aspek pengurusan alam sekitar di negara ini.

Seperti yang sering kali saya suarakan dalam ruangan ini bahawa pengurusan alam sekitar di Malaysia berkembang dan semakin mantap dengan adanya pelbagai inisiatif baru.

Namun demikian, dari semasa ke semasa kita menghadapi cabaran dan isu baru yang memerlukan penyelesaian yang kadangkala memerlukan kerangka dan modus operandi baru.

Perlu juga dijelaskan kerangka pengurusan alam sekitar yang ada ketika ini bermula pada 1970-an. Ketika itu aspek alam sekitar yang diberi keutamaan ialah penyediaan standard dan garis panduan berkaitan bekalan air bersih dan kawalan pencemaran sumber air, khususnya daripada kumbahan.

Dari semasa ke semasa, kerangka itu diperteguhkan dengan mengambil kira aspek pencemaran udara dan pengurusan sisa berjadual.

Aspek pelaksanaan juga dikembangkan khususnya dalam konteks perkhidmatan kumbahan dan kajian kesan alam sekitar (EIA).

Bagaimanapun, beberapa aspek utama pengurusan alam sekitar seperti pelupusan sisa pejal dan pembangunan tanah tidak begitu diberi perhatian dalam konteks bersepadu.

Begitu juga aspek penyelidikan dan pendidikan alam sekitar yang nampaknya agak terpinggir.

Hal ini berlanjutan dengan pelbagai dasar, pelan dan inisiatif yang dikemukakan pelbagai agensi terbabit.

Pada peringkat awal tidak ketara masalahnya kerana keupayaan alam sekitar masih utuh dan mampu menyerap pencemaran dan ketidakstabilan yang bersifat lokal dan sementara.

Namun, apabila sampai pada tahap kritikal dengan pelbagai projek pembangunan yang tidak dirancang dengan lestari, berlakulah kerosakan struktural dalam konteks ekosistem.

Dengan tumpahan minyak dari sebuah lori saja boleh menjejaskan bekalan air penduduk di Gombak.

Dengan pelepasan beberapa puluh meter padu leachate dan air sisa lain di hulu muka sauk saja boleh menyebabkan bekalan air berbau di sebahagian besar penduduk Lembah Klang. Itulah tanda ekosistem tidak lagi mampu menyerap pencemaran kerana kerosakan yang bersifat struktural.

Dalam keadaan seperti ini, kita memerlukan dasar, strategi dan modus operandi yang baru. Pada hemat saya, kerangka sistem pengurusan alam sekitar yang kita bangunkan pada 1970-an barangkali masih relevan tetapi memerlukan pengubahsuaian yang struktural agar dapat menangani masalah ekosistem yang semakin rapuh.

Kita memerlukan dasar, strategi dan modus operandi yang berteraskan kepada 'tahap kerapuhan', bukan lagi 'tahap pelepasan sisa' seperti yang kita amalkan ketika ini.

'Tahap kerapuhan' bermakna kita mengurus alam sekitar berdasarkan kepada tahap yang ada kini untuk dipertingkatkan. Dalam mengurus kualiti air sungai sebagai contoh, tidak relevan lagi Standard A atau B untuk mengawal pelepasan air sisa.

Sebaliknya kita perlu menggunakan Standard Sungai yang disasarkan untuk mencapai kualiti air yang sesuai untuk penghasilan air minuman, perikanan, pengairan, rekreasi atau pengangkutan.

Sebenarnya Standard Sungai ini dirangka menerusi pengkelasan sungai yang dilakukan kira-kira 10 tahun lalu. Namun, Standard Sungai tidak dapat dimajukan sebagai suatu peraturan alam sekitar disebabkan pertindihan bidang kuasa yang begitu rencam dalam pengurusan lembangan sungai.

Sehubungan itu, saya mencadangkan jawatankuasa Kabinet meneliti semula beberapa inisiatif yang dimulakan itu. Saya juga berharap kerangka pengurusan alam sekitar di Malaysia dapat diteliti semula.

Secara ideal, kerangka pengurusan yang baik terbahagi kepada dua tugas khusus, iaitu penguat kuasa dan pelaksanaan.

Dalam konteks Malaysia kini, kedua-dua penugasan tersebut tidak jelas, bertindih antara pelbagai agensi. Sebagai contoh, penguatkuasaan standard, garis panduan dan amalan profesional dalam bidang sisa pejal adalah di bawah bidang kuasa pihak berkuasa tempatan (PBT).

Agensi yang melaksanakan pengurusan sisa pejal juga adalah PBT menerusi penswastaan bidang pemungutan, penghantaran dan pengendalian tapak pelupusan sampah.

Pelepasan leachate ke sungai dan pembakaran sampah pula tertakluk kepada bidang kuasa Jabatan Alam Sekitar (JAS).

Saya juga mencadangkan JAS diberi mandat yang lebih sesuai dengan peranannya sebagai agensi utama yang menggubal dasar, akta dan penguatkuasaan dalam segala aspek ekosistem, termasuklah sisa pejal, pembetungan dan pengurusan lembangan sungai.

Agensi lain adalah pelaksana sesuai dengan kepakaran dan struktur kementerian masing-masing.

Sehubungan itu, JAS perlu diperkasakan lagi dari segi peruntukan perundangan, peranan dan keupayaan sumber insan. Di kebanyakan negara maju, agensi seperti JAS bukan saja berperanan sebagai penggubal dasar dan penguat kuasa, malah turut terbabit dalam menyediakan sumber kewangan untuk membangunkan teknologi berkaitan alam sekitar.

Dalam konteks Agensi Perlindungan Alam Sekitar Amerika Syarikat (USEPA) sebagai contoh, peranannya turut menyerlah menyediakan biasiswa untuk ijazah lanjutan dalam bidang alam sekitar dan membangunkan kepakaran tempatan dalam bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D), di samping menaja usaha sama serta program sukarela.

Tumpuan juga diberikan kepada peningkatan kesedaran di kalangan masyarakat awam terhadap etika, peranan dan tanggungjawab terhadap alam sekitar.

INTI PATI

- Beberapa aspek utama pengurusan alam sekitar seperti pelupusan sisa pejal dan pembangunan tanah tidak begitu diberi perhatian dalam konteks bersepadu.
- Kita memerlukan dasar, strategi dan modus operandi baru yang berteraskan kepada 'tahap kerapuhan', bukan lagi 'tahap pelepasan sisa' seperti yang kita amalkan ketika ini
- Dalam mengurus kualiti air sungai kita perlu menggunakan Standard Sungai yang disasarkan untuk mencapai kualiti air yang sesuai untuk penghasilan air minuman, perikanan, pengairan, rekreasi atau pengangkutan.
- JAS perlu mandat yang lebih sesuai dengan peranannya sebagai agensi utama yang menggubal dasar, akta dan penguatkuasaan dalam segala aspek ekosistem, termasuklah sisa pejal, pembetungan dan pengurusan lembangan sungai.
- Tumpuan patut diberikan kepada peningkatan kesedaran di kalangan masyarakat awam terhadap etika, peranan dan tanggungjawab terhadap alam sekitar.

Penulis ialah Pengarah Institut Pengurusan Alam Sekitar & Sumber Air (IPASA) di Universiti Teknologi Malaysia, dan Naib Presiden Persatuan Air Antarabangsa. E-mel: zaini@utm.my